From: UUM CORPORATE COMM.
Sent on: Monday, 8 August, 2022 4:49:38 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: 160 PESERTA SERTAI BENGKEL SEMAKAN PRESTASI PELAN STRATEGIK UUM 2022

UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

8 OGOS 2022 / 10 MUHARAM 1444H
==========

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Samsudin Oli Mohamed
Gambar Oleh: Abd Halim Husain

160 PESERTA SERTAI BENGKEL SEMAKAN PRESTASI PELAN STRATEGIK UUM 2022



UUM ONLINE: Seramai 160 peserta menyertai Bengkel Semakan Prestasi Pelan Strategik UUM 2022 yang dirasmikan oleh Naib Canselor, Prof. Dr. Haim Hilman Abdullah, di EDC-UUM pagi tadi.

Beliau dalam ucapannya berkata, bengkel ini adalah sebahagian daripada usaha untuk memastikan agar universiti ini sentiasa berada di landasan yang tepat dengan penyertaaan daripada semua peringkat kepimpinan bagi memastikan UUM terus melonjakkan pencapaian prestasi universiti.

“Saya yakin dan percaya dengan penglibatan dan penyertaan dari pelbagai peringkat iaitu ahli Jawatankuasa Pengurusan Universiti, merangkap ahli Jawatankuasa Teras, Dekan-dekan, Timbalan-timbalan Dekan, Pegawai-pegawai Tadbir Pusat Pengajian dan Pusat Tanggungjawab ini akan memacu kampus ini ke arah pencapaian yang lebih gemilang nanti,” ujar beliau lagi.

Haim Hilman menambah universiti ini bukan sahaja mampu cemerlang dari segi pencapaiannya tetapi dengan jiwa perjuangan di kalangan staf yang bekerja di sini juga pasti UUM akan menjadi kebanggaan agama, bangsa dan negara.

Bengkel selama dua hari ini dianjurkan secara bersama oleh Bahagian Perancangan Korporat dan Pejabat Pengurusan Risiko.

Moga penelitian semula indikator-indikator yang telah dirangka bagi Pelan Strategik UUM Fasa III ini melalui perkongsian pandangan dan cadangan baharu dari kepakaran yang ada di kalangan semua peserta bengkel ini dapat mengangkat nama UUM dipersada dunia nanti.

Antara isu utama diketengahkan dalam bengkel ini adalah untuk perhalusi secara serius berkenaan reputasi akademik, reputasi majikan, penerbitan dan sitasi.

Faktor-faktor ini merupakan pendorong terbesar kepada markah ranking bagi QS dan THE apabila ia menyumbang kepada 70% dari markah keseluruhan ranking itu sendiri manakala bagi subject rankings QS pula, 100% markah adalah meliputi indikator ini.



Please consider the environment before printing this e-mail

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.